


Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Maksud Bekalan/Pembangunan 30

CARTA PERBELANJAAN SEBENAR (2021 – 2023) DAN PERUNTUKAN (2024 – 2025) BAGI MENGRUS DAN PEMBANGUNAN



VISI

Negara berteknologi tinggi melalui Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE).

MISI

Menerajui STIE dalam menangani isu dan cabaran negara untuk kesejahteraan masyarakat dan pembangunan mampan.

PELANGGAN

- (i) Institusi Penyelidikan
- (ii) Saintis/Penyelidik
- (iii) Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS)
- (iv) Sektor Swasta
- (v) Orang Awam

KERANGKA KEBERHASILAN KEMENTERIAN

PRESTASI OUTCOME KEMENTERIAN

Outcome 1 : *Peningkatan penyelidikan pembangunan eksperimental, pengkomersialan dan inovasi yang berimpak tinggi*

Petunjuk Prestasi Utama	2023 (Sebenar)	2024 (Sasaran)	2025 (Sasaran)
Peratusan perbelanjaan kasar penyelidikan dan pembangunan (GERD) kepada KDNK (%)	0.95	2.21	2.50
Peratusan perbelanjaan penyelidikan pembangunan eksperimental kepada GERD (%)	45.50	35.00	50.00
Kedudukan dalam Global Innovation Index (GII)	36	26	30

Outcome 2 : *Pemeriksaan Research, Development, Commercialisation and Innovation (RDCI) bagi meningkatkan daya saing industri tempatan*

Petunjuk Prestasi Utama	2023 (Sebenar)	2024 (Sasaran)	2025 (Sasaran)
Peratusan sumbangan industri dalam dana penyelidikan dan pembangunan (R&D) (%)	50.37	35.00	40.00
Peratusan kadar pengkomersialan produk/teknologi/perkhidmatan inovasi oleh agensi dan syarikat <i>start-up</i> (%)	46.10	51.43	47.85
Peningkatan nilai semasa pelaburan dan pembiayaan berkaitan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) (RM juta)	1,600.96	519.00	1,260.00

Outcome 3 : *Peningkatan kesejahteraan masyarakat melalui inovasi sosial*

Petunjuk Prestasi Utama	2023 (Sebenar)	2024 (Sasaran)	2025 (Sasaran)
Peratusan penerima manfaat di bawah Inisiatif Inovasi Sosial MyIS (%)	100.00	100.00	100.00

PROGRAM 1 : PENGURUSAN

PRESTASI OUTCOME PROGRAM

Outcome : *Penyampaian perkhidmatan yang berkesan*

Petunjuk Prestasi Utama	2023 (Sebenar)	2024 (Sasaran)	2025 (Sasaran)
Peratusan pencapaian Piagam Pelanggan (%)	99.79	90.00	90.00
Indeks Kepuasan Pelanggan (%)	88.75	85.00	85.00

Aktiviti 1 : *Pengurusan Am*

- Fungsi :
- (a) Mewujudkan sistem pengurusan yang cekap, berkesan dan berintegriti bagi menyokong pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti MOSTI dengan menyelaraskan dan melaksanakan peraturan-peraturan pentadbiran, kewangan, pengurusan sumber manusia, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), perkhidmatan, pengauditan dan perundangan; dan
 - (b) Merancang dan menyelaraskan projek-projek pembangunan.

PROGRAM 2 : PERANCANGAN DAN PEMBUDAYAAN SAINS

PRESTASI OUTCOME PROGRAM

Outcome 1 : Tadbir urus STI yang efektif

Petunjuk Prestasi Utama	2023 (Sebenar)	2024 (Sasaran)	2025 (Sasaran)
Peratusan pelaksanaan Pelan Tindakan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 mengikut <i>milestone</i> tahunan (%)	90.00	90.00	100.00

Outcome 2 : Pembudayaan STI yang berkesan

Petunjuk Prestasi Utama	2023 (Sebenar)	2024 (Sasaran)	2025 (Sasaran)
Peratusan tahap kesedaran masyarakat terhadap inisiatif pembudayaan STI MOSTI (%)	92.00	90.00	90.00

Aktiviti 1 : Perancangan Strategik

- Fungsi :
- (a) Merancang dan menyelaraskan data serta maklumat strategik Kementerian yang menyeluruh dan *reliable* bagi menyokong pembangunan dasar kebangsaan, pendidikan, penyelidikan dan pembangunan serta aktiviti komersialisasi di samping menjana pembangunan ekonomi baharu yang berasaskan pengetahuan; dan
 - (b) Menjalinkan hubungan yang kukuh dengan sektor awam dan swasta dalam dan luar negara.

Aktiviti 2 : Pembudayaan STI

- Fungsi :
- (a) Menyelaraskan koordinasi di antara pihak penyedia kepakaran (di sektor awam) dengan pihak yang memerlukan kepakaran (industri) bagi menyelesaikan masalah (di peringkat operasi), meningkatkan inovasi dan produktiviti serta membangunkan kapasiti kedua-dua pihak;
 - (b) Memperkukuh jalinan kerjasama antara pihak organisasi awam dan organisasi swasta dalam negara;
 - (c) Mengurus dan menyelaraskan inisiatif penajaan MOSTI untuk pelaksanaan program Pembudayaan STI oleh pelbagai pihak seperti badan bukan kerajaan (NGO), Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), persatuan pelajar, syarikat penganjur aktiviti STI dan sebagainya; dan
 - (d) Merancang, menyelaraskan, mengurus dan melaksana program-program pembudayaan STI seperti Minggu Sains Negara, Malaysia Techlympics dan program jangkau luar untuk meningkatkan kesedaran dan membudayakan inovasi di kalangan masyarakat.

Aktiviti 3 : Planetarium Negara

- Fungsi :
- (a) Memperkasakan peranan Planetarium Negara sebagai sebuah organisasi pembudayaan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) khususnya dalam bidang astronomi dan sains angkasa di Malaysia;
 - (b) Membudayakan dan meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan bidang astronomi dan sains angkasa melalui tayangan, pameran, program, dan media sosial;
 - (c) Menyediakan kemahiran dalam pengendalian instrumentasi tayangan digital, astronomi optikal dan radio amatur; dan
 - (d) Memberikan khidmat nasihat, koordinasi dan bimbingan untuk pembangunan modal insan dalam bidang astronomi dan sains angkasa di Malaysia.

Aktiviti 4 : Pusat Sains Negara

- Fungsi :
- (a) Menjadikan Pusat Sains Negara sebagai destinasi utama rekreasi keluarga bagi pendidikan sains bukan formal yang menyeronokkan melalui bahan pameran interaktif dan aktiviti pendidikan sains dengan pelbagai topik bermaklumat kepada semua lapisan masyarakat;
 - (b) Meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penghargaan orang ramai terhadap Sains, Teknologi dan Inovasi (STI); dan
 - (c) Menjadi platform pemantapan pembelajaran berteraskan STEM bagi pelajar sekolah serta meluaskan capaian pembudayaan S&T melalui program turun padang (*outreach*) ke kawasan pedalaman dan luar bandar.

Aktiviti 5 : Penguasa Angkasa

- Fungsi :
- (a) Menjalankan mandat sebagai Setiausaha Eksekutif kepada Lembaga Angkasa Malaysia untuk menjalankan fungsinya berkaitan hal-hal tadbir urus dan kawal selia Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 (Akta 834);
 - (b) Mengawal selia aktiviti angkasa negara melibatkan proses regim pelesenan objek angkasa, mengawal selia repositori pendaftaran objek angkasa milik Malaysia dan pengurusan kemalangan angkasa;
 - (c) Membangunkan kerangka undang-undang sejajar dengan piawaian antarabangsa, menepati saranan SDG serta keperluan/kepentingan semasa negara;
 - (d) Memastikan hal-hal berkaitan perlindungan dan liabiliti aktiviti angkasa dipatuhi selaras dengan ketetapan perundangan domestik; dan
 - (e) Melaksanakan pelaksanaan obligasi yang berbangkit daripada penjanjian, konvensyen atau triti berkaitan angkasa.

Aktiviti 6 : Akademi Sains Malaysia

- Fungsi :
- (a) Memberi nasihat kepada Kerajaan mengenai Sains, Teknologi, Inovasi & Ekonomi (STIE) yang mempunyai kepentingan nasional dan antarabangsa;
 - (b) Memupuk budaya kecemerlangan Sains, Teknologi, Inovasi & Ekonomi (STIE) di Malaysia;
 - (c) Membantu dalam menaik taraf keupayaan teknologi sektor perindustrian Malaysia;
 - (d) Menggalakkan kesedaran awam bagi memahami sains melalui penerbitan dan laporan saintifik; dan
 - (e) Meningkatkan rangkaian dan kerjasama antarabangsa.

PROGRAM 3 : PEMBANGUNAN TEKNOLOGI

PRESTASI OUTCOME PROGRAM

Outcome 1 : Pembangunan teknologi strategik, start-up dan pengkomersialan yang mampan

Petunjuk Prestasi Utama	2023 (Sebenar)	2024 (Sasaran)	2025 (Sasaran)
Peratusan pewujudan syarikat teknologi dan start-up berasaskan STI (%)	-	-	100.00
Nilai jualan syarikat pengkomersialan yang terlibat setahun (RM juta)	189.00	17.00	45.00

Outcome 2 : Penyampaian perkhidmatan STI yang berkualiti

Petunjuk Prestasi Utama	2023 (Sebenar)	2024 (Sasaran)	2025 (Sasaran)
Jumlah penjana hasil negara berasaskan produk perkhidmatan STI (<i>Monetisation of STI based product services</i>) (RM juta)	47.15	40.38	55.68

Aktiviti 1 : Teknologi Strategik

- Fungsi :
- (a) Mengenal pasti dan mengetengahkan teknologi dan aplikasi S&T yang baharu, strategik dan berimpak tinggi di samping sektor industri yang boleh memacu pertumbuhan pasaran baharu negara dalam bidang STI;
 - (b) Menetapkan bidang keutamaan R&D yang berimpak tinggi menerusi pengklasifikasian R&D, imbasan teknologi, perkhidmatan teknologi *clearing house*, penetapan skop serta modus operandi bidang-bidang strategik;
 - (c) Membangunkan keupayaan dan kapasiti negara melalui pembangunan teknologi, infrastruktur fasiliti dan pendidikan awal dalam bidang teknologi strategik, teknologi baharu muncul, nanoteknologi, hidrogen dan teknologi penghasilan vaksin manusia;
 - (d) Merancang, menyelaras, mengimplementasikan dan memantau aktiviti-aktiviti penyelidikan, pembangunan teknologi/produk, pemindahan teknologi dan pengkomersialan berkaitan nanoteknologi serta aktiviti yang menyumbang kepada pembangunan industri berasaskan nanoteknologi dan hidrogen; dan
 - (e) Merancang, menyelaras, melaksanakan dan memantau dalam pembangunan ekosistem teknologi strategik, teknologi baharu muncul, nanoteknologi, hidrogen dan penghasilan vaksin manusia.

Aktiviti 2 : Dana dan Pengkomersialan

- Fungsi :
- (a) Membangunkan R&D dan teknologi industri tempatan dan juga teknousahawan untuk bersaing dalam bidang industri melalui pemindahan teknologi seperti kemudahan inkubator, pelesenan dan perolehan teknologi yang mendorong Industri Kecil Sederhana (IKS);
 - (b) Memperbaharui dasar dan program-program inovasi ke peringkat nasional dengan memastikan produk R&D dikomersialkan berdasarkan pada program-program pembangunan masyarakat yang berdaya cipta serta bercirikan keusahawanan; dan
 - (c) Memantau impak program – program yang melonjakkan pembangunan dan meningkatkan daya saing syarikat-syarikat berasaskan teknologi dan inovasi.

Aktiviti 3 : Kimia

- Fungsi :
- (a) Menyediakan khidmat analisis, penyiasatan dan perundingan dalam bidang saintifik kepada agensi Kerajaan bagi tujuan penguatkuasaan undang-undang, ketenteraman, keselamatan dan kesihatan awam serta perlindungan hak pengguna termasuk keselamatan di tempat kerja;
 - (b) Menyediakan perkhidmatan analisis saintifik kepada pihak swasta bagi tujuan perdagangan dan menjana ekonomi negara; dan
 - (c) Merancang dan menyelaras data serta maklumat strategik Jabatan yang menyeluruh dan *reliable* bagi perkhidmatan STI melalui pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang, kutipan hasil, dan jalinan kerjasama yang erat dengan agensi penguatkuasa serta sektor swasta.

Aktiviti 4 : Jabatan Tenaga Atom

- Fungsi :
- (a) Merancang dan melaksanakan dasar yang ditetapkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, pelan strategik Jabatan, kerjasama teknikal dan saintifik serta pelaksanaan obligasi, perjanjian dan triti yang berkaitan dengan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304);
 - (b) Melaksana dan menguruskan hal ehwal kawalan dan kawal seliaan keselamatan nuklear dan sinaran, sekuriti nuklear dan kawal guna nuklear bersama agensi kebangsaan dan antarabangsa, termasuk Agensi Tenaga Atom Antarabangsa;
 - (c) Mengawal selia guna bahan nuklear di bawah perjanjian kawal guna dengan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa bagi memenuhi ketetapan berkaitan Triti Ketakcambahan Nuklear (The Nuclear Non-Proliferation Treaty (NPT));
 - (d) Bertindak sebagai pegawai diberi kuasa yang mengeluarkan permit di bawah seksyen 2, Akta Perdagangan Strategik 2010 (Akta 708); dan
 - (e) Bertindak sebagai agensi peneraju teknikal berkaitan kecemasan kemalangan radiologikal dan nuklear di bawah Arahan No. 20, Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta menangani isu nuklear dan kawalan sempadan selaras dengan Arahan No. 18, MKN.

Aktiviti 5 : Agensi Nuklear Malaysia

- Fungsi :
- (a) Melaksanakan RDCI dalam bidang sains dan teknologi nuklear;
 - (b) Memberi khidmat sokongan teknikal dan latihan dalam bidang nuklear dan teknologi yang berkaitan;
 - (c) Menyelaras dan mengurus hal ehwal nuklear kebangsaan dan antarabangsa, sebagai agensi penghubung Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) dan Pihak Berkuasa Kebangsaan bagi pelaksanaan Triti Pengharaman Menyeluruh Ujian Senjata Nuklear (CTBT); dan
 - (d) Menjadi Pusat Kebangsaan kepada Metrologi Sinaran dan Pengurusan Sisa Radioaktif.

Aktiviti 6 : Agensi Angkasa Malaysia

- Fungsi :
- (a) Menerajui pelaksanaan Dasar Angkasa Negara;
 - (b) Menerajui penyelidikan dan pembangunan teknologi, aplikasi dan sains angkasa;
 - (c) Mengkoordinasi perolehan data satelit (*remote sensing*) dan menyediakan perkhidmatan imej satelit melalui sistem aplikasi strategik;
 - (d) Menyediakan perkhidmatan pengujian dan pengukuran sistem angkasa serta memperkukuh kerjasama antarabangsa dalam bidang angkasa; dan
 - (e) Memperkasa keupayaan negara secara menyeluruh dalam Sektor Angkasa.

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2025 MENGIKUT OBJEK AM

<i>Kod (Objek Am)</i>	<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Anggaran Tahun 2024 RM</i>	<i>Anggaran Tahun 2025 RM</i>
10000	Emolumen	234,234,100	250,213,300
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	161,398,700	172,207,700
30000	Aset	32,143,100	31,929,500
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	277,695,100	284,436,900
50000	Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	154,500	158,100
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS		705,625,500	738,945,500

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2025 MENGIKUT OBJEK AM

<i>Kod (Objek Am)</i>	<i>Jenis Perbelanjaan</i>	<i>Anggaran Tahun 2024 RM</i>	<i>Anggaran Tahun 2025 RM</i>
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	26,783,700	3,191,000
30000	Aset	141,364,100	182,045,700
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	367,735,000	351,384,000
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		535,882,800	536,620,700

RINGKASAN

Anggaran Perbelanjaan Mengurus	705,625,500	738,945,500
Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Cara Langsung)	535,882,800	536,620,700
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	1,241,508,300	1,275,566,200

Pegawai Pengawal : KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2024	2025	2024	2025
			RM	RM		
010000	PENGURUSAN	...	<u>73,814,400</u>	<u>66,099,100</u>		
		10000	26,226,400	24,295,400	<u>367</u>	<u>367</u>
		20000	26,372,500	28,953,300		
		30000	1,324,700	2,116,300		
		40000	19,890,800	10,734,100		
010100	Pengurusan Am	...	<u>73,814,400</u>	<u>66,099,100</u>	367	367
		10000	26,226,400	24,295,400		
		20000	26,372,500	28,953,300		
		30000	1,324,700	2,116,300		
		40000	19,890,800	10,734,100		
020000	PERANCANGAN DAN PEMBUDAYAAN SAINS	...	<u>60,827,900</u>	<u>68,835,500</u>		
		10000	17,994,700	18,231,700	<u>265</u>	<u>265</u>
		20000	22,705,300	19,012,600		
		30000	2,875,700	1,923,000		
		40000	17,252,200	29,668,200		
020100	Perancangan Strategik	...	<u>9,920,100</u>	<u>9,880,700</u>		
		10000	5,983,100	5,928,900	75	75
		20000	3,039,500	2,736,000		
		30000	897,500	849,800		
		40000	0	366,000		
020200	Pembudayaan STI	...	<u>5,696,600</u>	<u>15,241,200</u>		
		10000	1,986,000	2,057,200	25	25
		20000	3,460,600	1,384,000		
		40000	250,000	11,800,000		
020300	Planetarium Negara	...	<u>9,609,600</u>	<u>9,183,400</u>		
		10000	2,914,800	3,179,000	48	48
		20000	5,754,400	5,209,000		
		30000	938,200	793,200		
		40000	2,200	2,200		
020400	Pusat Sains Negara	...	<u>15,865,600</u>	<u>14,555,400</u>		
		10000	6,380,000	6,326,200	108	108
		20000	8,445,600	7,949,200		
		30000	1,040,000	280,000		
020500	Penguasa Angkasa	...	<u>2,736,000</u>	<u>2,474,800</u>		
		10000	730,800	740,400	9	9
		20000	2,005,200	1,734,400		
020600	Akademi Sains Malaysia	...	<u>17,000,000</u>	<u>17,500,000</u>		
		40000	17,000,000	17,500,000		

Pegawai Pengawal : KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)	Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
			2024	2025	2024	2025
			RM	RM		
030000	PEMBANGUNAN TEKNOLOGI	...	<u>349,283,200</u>	<u>362,361,200</u>		
		10000	190,013,000	193,213,000	<u>2,898</u>	<u>2,898</u>
		20000	104,620,900	111,141,800		
		30000	27,942,700	27,890,200		
		40000	26,552,100	29,958,100		
		50000	154,500	158,100		
030100	Teknologi Strategik	...	<u>12,979,800</u>	<u>12,666,600</u>		
		10000	4,035,700	4,203,600	47	47
		20000	3,409,300	3,007,100		
		30000	200,000	150,000		
		40000	5,334,800	5,305,900		
030200	Dana dan Pengkomersialan	...	<u>18,420,000</u>	<u>19,304,500</u>		
		10000	4,819,100	5,075,900	61	61
		20000	3,600,900	3,406,200		
		40000	10,000,000	10,822,400		
030300	Kimia	...	<u>134,302,000</u>	<u>136,994,900</u>		
		10000	85,556,000	85,035,500	1,399	1,399
		20000	47,339,400	50,832,400		
		30000	1,309,400	1,030,000		
		40000	97,200	97,000		
030400	Jabatan Tenaga Atom	...	<u>22,835,100</u>	<u>24,532,800</u>		
		10000	11,631,100	12,062,500	188	188
		20000	9,620,200	10,440,300		
		30000	1,462,100	1,903,000		
		40000	1,700	7,000		
		50000	120,000	120,000		
030500	Agensi Nuklear Malaysia	...	<u>95,767,300</u>	<u>101,085,800</u>		
		10000	61,079,900	62,920,000	926	926
		20000	21,441,400	22,865,000		
		30000	2,236,600	1,584,000		
		40000	11,007,900	13,713,800		
		50000	1,500	3,000		
030600	Agensi Angkasa Malaysia	...	<u>64,979,000</u>	<u>67,776,600</u>		
		10000	22,891,200	23,915,500	277	277
		20000	19,209,700	20,590,800		
		30000	22,734,600	23,223,200		
		40000	110,500	12,000		
		50000	33,000	35,100		

Pegawai Pengawal : KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Butiran	Program/Aktiviti	Kod (Objek Am)		Anggaran	Anggaran	Bil. Jawatan	
				2024	2025	2024	2025
				RM	RM		
040000	PROGRAM KHUSUS	<u>221,700,000</u>	<u>222,300,000</u>		
		20000		7,700,000	8,300,000		
		40000		214,000,000	214,000,000		
040100	Bertugas ke Luar Negara	<u>4,200,000</u>	<u>4,500,000</u>		
		20000		4,200,000	4,500,000		
040200	Emolumen Kakitangan Kontrak	<u>3,500,000</u>	<u>3,800,000</u>		
		20000		3,500,000	3,800,000		
040300	Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI)	<u>50,000,000</u>	<u>50,000,000</u>		
		40000		50,000,000	50,000,000		
040400	Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT)	<u>16,000,000</u>	<u>16,000,000</u>		
		40000		16,000,000	16,000,000		
040500	MIMOS Berhad	<u>80,000,000</u>	<u>80,000,000</u>		
		40000		80,000,000	80,000,000		
040600	NanoMalaysia Berhad (NMB)	<u>6,000,000</u>	<u>6,000,000</u>		
		40000		6,000,000	6,000,000		
040700	National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM)	<u>55,000,000</u>	<u>55,000,000</u>		
		40000		55,000,000	55,000,000		
040800	Malaysian Bioeconomy Development Corporation	<u>7,000,000</u>	<u>7,000,000</u>		
		40000		7,000,000	7,000,000		
050000	DASAR BARU	<u>0</u>	<u>14,549,700</u>		
		10000		0	14,473,200		
		40000		0	76,500		
050100	Pelarasan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)	<u>0</u>	<u>14,549,700</u>		
		10000		0	14,473,200		
		40000		0	76,500		
060000	"ONE-OFF"	<u>0</u>	<u>4,800,000</u>		
		20000		0	4,800,000		
060100	Kepengerusian ASEAN 2025	<u>0</u>	<u>4,800,000</u>		
		20000		0	4,800,000		
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS				<u>705,625,500</u>	<u>738,945,500</u>	<u>3,530</u>	<u>3,530</u>

Pegawai Pengawal : KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Butiran (Projek)	Tajuk	Jumlah Anggaran Harga Projek	Perbelanjaan Sebenar 2023	Anggaran Dipinda 2024	Anggaran Tahun 2025	
					Cara Langsung	Pinjaman
(1)	(2)	(3) RM	(4) RM	(5) RM	(6) RM	(7) RM
	Pembangunan Perkhidmatan STI					
00200	Jabatan Kimia Malaysia	80,090,000	12,010,399	7,394,600	22,836,000	0
00500	Baik Pulih dan Penyelenggaraan Bangunan dan Peralatan	50,000,000	0	0	50,000,000	0
00602	Planetarium	2,500,000	0	0	2,500,000	0
00603	Agensi Angkasa Malaysia (MYSA)	95,600,000	16,000,867	19,900,000	34,390,000	0
00604	Pusat Sains Negara (PSN)	36,150,000	2,255,995	10,367,600	16,590,000	0
00900	Agensi Nuklear Malaysia	37,379,000	4,469,626	7,980,000	8,818,000	0
01000	Jabatan Tenaga Atom	5,700,000	0	222,500	5,025,000	0
98000	Akademi Sains Malaysia (ASM)	7,000,000	2,800,000	1,915,000	1,335,000	0
	Jumlah Pembangunan Perkhidmatan STI	314,419,000	37,536,887	47,779,700	141,494,000	0
	Penyelidikan STI					
00605	Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM)	84,900,000	40,000,000	555,000	10,742,700	0
00800	Program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)	429,000,000	47,805,396	93,762,250	155,000,000	0
03700	Yayasan Inovasi Malaysia	26,074,000	3,000,000	6,585,000	6,725,000	0
	Jumlah Penyelidikan STI	539,974,000	90,805,396	100,902,250	172,467,700	0
	Pengkomersialan STI					
01100	MIMOS Bhd.	169,962,000	16,182,000	37,350,000	53,659,000	0
03600	Program Pengkomersialan Nano Teknologi	49,000,000	10,000,000	13,500,000	9,500,000	0
09000	Pelbagai Suntikan Ekuiti	79,000,000	14,000,000	23,000,000	29,500,000	0
18000	Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI)	33,400,000	5,000,000	8,000,000	5,000,000	0
40009	Malaysian Bioeconomy Development Corporation	60,000,000	25,272,300	1,625,000	12,000,000	0

Pegawai Pengawal : KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Butiran (Projek)	Tajuk	Jumlah Anggaran Harga Projek	Perbelanjaan Sebenar 2023	Anggaran Dipinda 2024	Anggaran Tahun 2025	
					Cara Langsung	Pinjaman
(1)	(2)	(3) RM	(4) RM	(5) RM	(6) RM	(7) RM
83000	MIGHT	250,000,000	48,700,000	40,000,000	65,000,000	0
94000	Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV)	152,000,000	14,500,000	45,000,000	48,000,000	0
Jumlah Pengkomersialan STI		793,362,000	133,654,300	168,475,000	222,659,000	0
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN		1,647,755,000	261,996,583	317,156,950	536,620,700	0